

BAB 4

BAB 4. KESAN ALAM SEKITAR KEPADA PEMIKIRAN DAN KERJAYA MASYARAKAT JEPUN

4.1 Pengenalan

Proses kejadian alam atau fenomena semulajadi ini telah membawa kesan yang positif ke atas peradaban Jepun kontemporari. Tidak ada Jepun yang hebat hari ini tanpa pembentukan awal oleh golongan terdahulu⁶⁹ atau masyarakat awalnya. Semenjak zaman Jomon hingga sekarang, semua nilai baik yang terdapat dalam tamadun Jepun telah dijelmakan oleh alam sekitarnya yang sememangnya kaya dan indah.

Alam sekitar memang telah memainkan peranannya sebagai agen pembentuk budaya dan identiti masyarakat Jepun hari ini. Tanpa alam sekitar Jepun yang penuh dengan cabaran itu, pastinya Jepun tidak mampu berdiri segagah hari ini. Hingga ada pendapat yang mengatakan jika bangsa Jepun ini diletakkan di tempat lain, mereka pastinya lemah dan sukar untuk berjaya. Tetapi apapun, Jepun tetap hebat dan telah menjadi satu bangsa yang menyerap segala kelemahan dan diolah supaya menjadi kekuatan. Mungkin juga jika bangsa lain diletakkan di Jepun, bangsa itu tidak maju dan gagal kerana tidak memiliki kekentalan dan kekuatan seperti masyarakat Jepun yang memang dikenali kuat bekerja⁷⁰.

⁶⁹ Takashi Honda, *The Environment Is Right For Japan*, (Tokyo : Saitama Press, 1989), hal. 55.

⁷⁰ *Ibid.*, hal 12.



Istana maharaja Jepun yang terletak di Nara.
 (sumber: www.japan_photo.com.jpg)

4.2 Sabar

Sabar merupakan satu sifat yang penting bagi setiap individu⁷¹. Mereka yang bersifat penyabar dianggap lebih hebat daripada mereka yang berjuang di medan perang. Sabar juga menjadi intipati dalam masyarakat Jepun yang secara tidak langsung telah membentuk peradaban yang hebat dan kukuh hingga hari ini. Segala fenomena alam yang berlaku di sekeliling masyarakat Jepun telah membentuk peribadi mereka terutamanya sikap sabar.

⁷¹ Takeo Fukuda, *Jepun Hari Ini*. “Konvensyen antara Kerajaan Jepun dan Amerika Syarikat tentang isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar”. Kerajaan Jepun Mac 2000, hal. 2.

Jika ditinjau dari sudut lain, sifat kesabaran timbul dan sebat dalam masyarakat Jepun hasil daripada kecekalan mereka mengharungi kejadian seperti gempa bumi dan letupan gunung berapi terutama sekali kejadian yang berlaku itu tidak menentu dan secara mengejut. Berdasarkan kepada kedudukannya di Lingkaran Api Pasifik maka Negara Jepun sentiasa terdedah kepada bencana alam ini. Namun yang jelasnya ialah mereka tidak pernah kecewa atau berputus asa dengan keadaan ini sebaliknya terus tekun dan sabar dalam mengusahakan kerja-kerja penanaman padi dan lain-lainnya yang melibatkan satu jangka masa yang agak panjang iaitu bermula dengan proses membajak, menyemai, mengubah dan akhirnya menuai.

Sesungguhnya aktiviti penanaman padi di Jepun telah meruntun para petani yang terlibat untuk mempraktikkan sifat sabar dalam kehidupan sehari-hari mereka. Bermula dengan susunan bentuk muka bumi yang bergunung-ganang serta kekurangan kawasan dataran penanaman yang luas, para petani terpaksa bersabar untuk menghadapi situasi yang terkini. Kawasan bukit dan pergunungan terpaksa ditarah dengan tujuan menjadikannya sebagai kawasan penanaman padi. Semua ini dilakukan dengan penuh kesabaran dan sikap berhati-hati bagi memastikan makanan ruji mereka dapat ditanam dengan sempurna.

Sikap pemerintah yang ternyata sekali menindas golongan petani turut melatih mereka untuk memiliki sifat kesabaran dan ketabahan yang tinggi. Semasa di bawah pemerintahan Kesyogunan Tokugawa, sistem sosial Bakufu telah membahagikan rakyat kepada empat kelas berdasarkan fungsi masing-masing. Kelas-kelas tersebut ialah:

Pahlawan (Samurai)
Kaum tani (Nomin)
Petukang (Shonin)
Saudagar (Chonin)

Jadual 2: Pembahagian kelas sosial pada zaman Bakufu
 (sumber: Nota kuliah tamadun Jepun, Azhar Mad Aros. 1999.

Meskipun diletakkan pada kelas yang kedua selepas Samurai, tetapi realitinya layanan dan keistimewaan yang diperolehi amat berbeza sekali. Hakikat kehidupan menyaksikan bahawa mereka adalah merupakan petani-petani miskin yang mengalami kesengsaraan ekonomi dan tidak diberikan apa-apa hak politik. Kaum tani yang merangkumi 80% hingga 90% dari jumlah penduduk Jepun terpaksa menanggung beban cukai yang amat tinggi. Para petani yang gagal membayar cukai akan menerima hukuman yang keras⁷². Mereka dipaksa membayar cukai-cukai lain yang dikenali sebagai komonori iaitu cukai yang dikenakan ke atas pendapatan sampingan yang diperolehi oleh petani sama ada dari hasil hutan, kolam, sungai dan sebagainya. Cukai-cukai ini mesti dibayar dalam bentuk wang. Selain daripada itu para petani juga dikehendaki menjadi buruh wajib di mana mereka dipaksa untuk membekalkan tenaga bagi kerja – kerja awam dan juga membekalkan kuda bagi perkhidmatan utusan dan pos.

Selepas Jepun dimusnahkan dengan teruk oleh tentera bersekutu yang diketuai oleh Amerika Syarikat pada tahun 1947, dan atas semangat ketabahan dan sifat kesabaran

⁷² Hiroshi, Dr. Motoy, *Karma and Reincarnation*. (Narita : Japan Press., 1987) hal.21.

yang tinggi, mereka bangkit dan memulihkan negara sedikit demi sedikit. Segala pengalaman yang telah dilalui dijadikan sebagai guru yang paling berharga. Akhirnya Jepun kembali pulih seperti sediakala. Dari zaman kehancuran ini jugalah Jepun telah berjaya menjadi negara nombor satu dan mendahului negara-negara lain dalam segala aspek terutamanya bidang sains dan teknologi. Oleh kerana itu, jelaslah kepada kita bahawa sifat sabar yang terdidik dalam diri orang-orang Jepun akibat dari pengalaman yang dilalui sebagai petani telah membantu Jepun membina peradaban yang mantap pada hari ini.

4.3 Rajin

Rakyat Jepun memang dikenali di serata dunia sebagai rakyat yang paling rajin dan kuat bekerja. Bila sebut sahaja syarikat atau kilang Jepun semua tahu, tentang kerjanya yang penuh disiplin dan tekun serta produktif⁷³. Mereka bukan jenis masyarakat yang membuang masa dan suka berehat, tetapi mereka adalah golongan yang tidak pernah kenal erti penat dan akan bekerja sehingga lewat malam. Berbekalkan semangat kental dan usaha yang gigih mereka telah berjaya membuka mata dunia dan seterusnya mendapat pengiktirafan dengan pelbagai kejayaan yang dihasilkan. Walaupun aktiviti penanaman padi bukanlah faktor utama yang telah membangkitkan nilai ini, namun ia boleh dilihat sebagai turut memberikan impak kepada senario ini.

⁷³ John K. Nelson, *A Year in the Life of a Shinto Shrine*. (Washington : University Of Washington Press., 1996) hal. 43.

Kegigihan para petani semasa dahulu berkemungkinan didorong oleh tiga faktor utama. Faktor pertama ialah disebabkan oleh kesedaran tentang kepentingan untuk memenuhi keperluan makanan sehari-hari terutamanya beras. Faktor kedua ialah disebabkan pelbagai tekanan yang telah dikenakan ke atas mereka yang telah memaksa golongan petani berusaha keras bagi memenuhi kehendak pemerintah dan meyelamatkan diri mereka dari menerima sebarang bentuk hukuman. Faktor ketiga ialah disebabkan oleh faktor geografi iaitu dari segi rupa bentuk muka bumi yang begitu terhad untuk dijadikan kawasan penanaman.



Antara taman-taman di Jepun yang memang terkenal dengan kecantikkannya dan kesenian yang dihasilkan oleh masyarakat yang teliti dan rajin.

(sumber: www.japan_photo.com.jpg)

Sejarah yang bersifat “mengulang” bukanlah dalam keadaan yang serupa sebagaimana yang pernah berlaku dahulu. Corak persamaannya mungkin boleh dilihat dari segi cirri-ciri, nilai, hasil yang diperolehi serta rintangan yang dihadapi. Jika dahulu orang-orang Jepun memanifestasikan sifat kerajinan mereka dalam bidang pertanian, pertukangan, perdagangan dan ketenteraan, namun perubahan zaman telah menyaksikan perubahan dalam sektor penghasilan di mana ruang penglibatan mereka adalah luas. Pelbagai bidang baru telah diceburi termasuklah bidang pembuatan, perindustrian, teknologi maklumat dan sebagainya. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh Jepun menyebabkan mereka mampu menguasai hampir kesemua bidang baru yang diceburi dalam masa yang singkat berbanding dengan negara-negara lain yang ternyata lebih awal terdedah kepada perkara tersebut.

Bermula di peringkat awal iaitu di arena pendidikan lagi, mereka telah menunjukkan kesungguhan lebih tinggi jika dibandingkan dengan kanak-kanak lain di dunia ini. Pelajar Jepun lebih banyak menghabiskan masa di kelas tambahan atau tuisyen. Mereka menggunakan masa ini seoptimum mungkin sebagai persiapan awal untuk menghadapi peperiksaan dan memasuki universiti⁷⁴. Pada hakikatnya orang barat yang sudah biasa dengan pendidikan Jepun mengatakan bahawa pelajar Jepun rata-ratanya lebih arif tentang sejarah dunia dan peristiwa semasa berbanding dengan kebanyakan pelajar barat. Dalam bidang sains dan matematik iaitu satu-satunya bidang yang terdapat maklumat kuantitatif yang boleh dipercayai mengenai kemahiran perbandingan antarabangsa, golongan muda Jepun jauh mengatasi rakan sebaya mereka di negara barat.

⁷⁴ *Ibid.*, hal 2.

Pengetahuan golongan muda Jepun tentang Bahasa Inggeris jauh mengatasi pengetahuan pelajar Amerika tentang bahasa asing⁷⁵.

Apabila mencapai tahap dewasa, orang Jepun terus mempunyai keinginan yang luar biasa untuk memperolehi maklumat tentang pelbagai perkara termasuk hal-ehwal antarabangsa, politik, sejarah, sains dan kesenian⁷⁶. Pelbagai kaedah digunakan untuk memperolehi maklumat tersebut termasuklah membaca dan membuat kajian sama ada secara langsung atau tidak. Statistik umum yang dibuat berdasarkan pemerhatian asing menunjukkan Jepun mendahului negara-negara lain dari segi bilangan orang yang membaca. Oleh itu tidak hairanlah jika Jepun mampu melangkaui negara-negara lain dari segi bilangan orang yang membaca dan mampu mengatasi negara-negara lain dari segi ilmu pengetahuan yang mereka ada.

Pengalaman sejarah dan fenomena alam sekitar telah membentuk jiwa orang Jepun yang rajin dan kuat bekerja. Sehingga kini orang Jepun memang dikenali sebagai masyarakat mampu bekerja siang malam tanpa bosan. Ada ungkapan mengatakan bahawa:

“orang Jepun ialah robot yang tidak mengetahui apa-apa kecuali kerja”

Pada tahun 1946 orang Amerika bekerja 40.0 jam seminggu, manakala orang Jepun bekerja 40.5 jam seminggu⁷⁷. Manakala pada tahun 1975 seorang pekerja Jepun dapat menghasilkan kereta bernilai 1,000 *pound* sterling setiap sembilan hari berbanding

⁷⁵ *Ibid.*, hal 48.

⁷⁶ Takeo Fukuda, *op. cit.*, hal 14.

⁷⁷ *International Labour Organization Yearbook of Labour Statistic*, London, 1977, hal. 5.

pekerja Britain yang mengambil masa 47 hari untuk menghasilkan kereta yang mempunyai nilai yang sama. Pada tahun tersebut juga, tiada satu pun daripada syarikat pengeluar kereta Eropah seperti Fiat, Renault atau Volkswagen yang berupaya mengeluarkan sebanyak 20 buah kereta dalam jangka masa satu tahun. Tetapi bagi pengeluar kereta di Jepun iaitu seperti Nissan, Mitsubishi atau Mazda mereka mampu mengeluarkan 40 hingga 42 buah kereta setahun. Di luar waktu bekerja pula, para pekerja Jepun akan cuba mencari sesuatu peluang atau maklumat yang dapat membantu mengembangkan keupayaan dan kerjaya mereka. Hinggakan setiap pekerja asing atau orang luar yang datang akan cuba didekati untuk memperolehi ilmu pengetahuan daripada mereka⁷⁸.

Maka di sini jelas sekali kepada kita bahawa kerajinan orang Jepun adalah kunci atau nadi kepada kejayaan mereka berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan Negara besar dunia hari ini. Sifat ini masih belum dapat ditandingi oleh sesiapa pun atau mana-mana negara di dunia. Pengalaman dari sudut sejarah dan kemampuan mengharungi segala kemusnahan akibat dari proses semulajadi dan usaha yang bersungguh-sungguh membina semula kekuatan selepas dimusnahkan samada melalui perperangan atau fenomena alam, telah menjadikan peradaban Jepun mantap dan kukuh pada hari ini.

⁷⁸ Ashkenazi, M Matsuri *Basic Terms of Shinto* Tokyo: Kokugakuin University, Institute for Japanese Culture and Classics, (Honolulu: Hawaii University Press, 1993) edisi revisi 1985, hal. 99.

4.4 Bekerjasama

Semangat ini sebenarnya banyak dibentuk melalui kegiatan pertanian iaitu penanaman padi. Kerja-kerja penanaman padi bukanlah merupakan satu pekerjaan yang mudah. Ini adalah kerana ia bergantung kepada sistem pengairan yang baik⁷⁹. Fenomena ini menjadikan mereka perlu saling bekerjasama, berbincang dan bersetuju tentang penggunaan air yang ada. Jika berlaku sebarang pertelingkahan maka akan timbul permasalahan di mana kerja-kerja tidak akan dapat dilakukan dengan sempurna. Akibat daripada itu jumlah pengeluaran padi akan berkurangan dan sumber makanan utama mereka akan turut terjejas. Oleh kerana itu mereka perlu untuk mewujudkan suasana pekerjaan yang aman dan harmoni bagi menjaga kepentingan dan keperluan masing-masing.

Jika diteliti dengan lebih mendalam lagi, suasana zaman pada masa itu tidak mengizinkan para petani untuk memiliki sebarang jentera yang berteknologi tinggi bagi membantu menjalankan kerja-kerja pengairan, penanaman serta penuaian. Walaupun sebenarnya dikatakan bahawa Tamadun Cina telah memberi tunjuk ajar mengenai teknik mengenal pasti tanah yang sesuai untuk penanaman padi, pembuatan dan penggunaan peralatan pertanian serta mengetahui teknik-teknik yang sesuai, namun semua ini tetap tidak boleh dilakukan secara bersendirian memandangkan ia melibatkan jumlah tugas yang banyak dan berat⁸⁰.

⁷⁹ Hassan Hamzah, *Kamus Melayu Global*, (Kuala Lumpur : Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd. 1996), hal 803.

⁸⁰ *Ibid.*, hal. 85.

Faktor ini turut didorong oleh suasana bentuk muka bumi yang ternyata bukanlah sebuah dataran atau kawasan tanah pamah yang luas terbentang tetapi hanya bersifat mendatar sahaja⁸¹. Tetapi hakikat sebenarnya ialah mereka berhadapan dengan pelbagai halangan termasuklah kawasan penanaman yang kecil saiznya tetapi perlu diurus secara bijaksana dan kreatif untuk mendapatkan hasil yang lumayan. Sebagai contoh untuk mendapatkan hasil padi yang maksimum, mereka telah melaksanakan penanaman padi secara bertingkat⁸². Cara ini telah membantu masyarakat petani Jepun meningkatkan jumlah pengeluaran padi mereka. Di dalam Artikel 17 yang diisyhtihakan oleh Putera Shotoku ada arahan yang berbunyi:

“keamanan perlu dipelihara dan segala bentuk kejahatan perlu dijauhi”⁸³

perkara ini merupakan perkara pertama dari 17 perkara lain yang terkandung dalam artikel 17 tersebut. Sesungguhnya terlalu banyak interpretasi yang boleh diungkapkan dari pernyataan tersebut yang mana ia bersifat global dan boleh dikaitkan dengan pelbagai situasi kehidupan. Namun apabila dikaitkan dengan aktiviti penanaman padi ternyata sekali bahawa keamanan hanya dapat dijelmakan apabila wujudnya semangat saling bekerjasama antara satu sama lain. Menjauhi segala bentuk kejahatan pula boleh dikaitkan dengan menjauhi sifat-sifat ketidak sefahaman, hasad dengki, berpecah belah serta berbagai-bagai lagi sifat negatif yang akan membawa kepada keadaan huru-hara dan tidak stabil. Menyedari hakikat ini serta ditambah pula dengan sifat taat kepada

⁸¹ John W. Snyder, *Surviving in Rural Japan*. (Narita: Japanese Island Co., 1996) hal 74.

⁸² *Ibid.*, hal. 45.

⁸³ Edwin O. Reischauer dan John K. Fair Bank, *East Asian The Great tradition*, (Boston : Houghton Mifflin Co., 1973), hal. 474.

pemerintah maka masyarakat Jepun menanamkan semangat kerjasama sebagai satu keperluan dalam rutin kehidupan mereka. Untuk tujuan ini maka dikatakan bahawa aktiviti penanaman padi sebagai pencetus utama nilai ini sementara realiti pelaksanaannya meliputi seluruh urusan dan persoalan kehidupan termasuklah untuk membina sebuah peradaban yang agung dan hebat sifatnya.

4.5 Berkumpulan

Apabila orang Jepun berkumpul bersama-sama, tingkah laku mereka adalah dipengaruhi oleh kesedaran mereka terhadap susunan dan kedudukan setiap orang dalam perkumpulan itu iaitu sama ada menurut umur, status sosial atau lain-lain pertimbangan yang sama. Orang Jepun memberi penekanan terhadap perhubungan menegak. Perhubungan menegak yang berasaskan umur dan kedudukan dikawal ketat dalam kumpulan dan kesetiaan kepada kumpulan serta perasaan sebagai ahli dalam sesuatu kumpulan amat dituntut daripada ahlinya⁸⁴.

Menurut Encik Tajomaru⁸⁵ “Kebanyakan orang Jepun yang pergi melancang ke luar negeri untuk menghabiskan masa lapang dengan melakukan kegiatan yang berfaedah dengan cara berkumpulan. Misalnya dari aktiviti karaoke hingga ke permainan mahjung. Orang Jepun juga lebih suka melakukan sesuatu dalam kumpulan

⁸⁴ Mullins, M, Shimazono, S & Swanson. P., *Religion and Society in Modern Japan*. (Berkeley, California: Asian Humanities Press., 1993) hal. 14.

⁸⁵ Temuramah, Encik Tojamaru, The Japan Foundation, (Kuala Lumpur: Menara CitiBank, 15/06/2003 jam 2.30 petang).

dan bukan bersendirian. Di Jepun kita dapat lihat ibubapa (pekerja syarikat) membawa anak-anak pergi melakukan aktiviti perkhemahan seperti sukan, drama dan lain-lain”.

Di dalam perkara terakhir Artikel 17 ada menyatakan bahawa :

*“dalam membuat sesuatu keputusan yang penting ia perlu melibatkan pendapat ramai
dan bukan pendapat individu”*

manifestasi dari kenyataan ini ialah situasi berkumpulan lebih diutamakan daripada berseorangan atau individu. Apabila sesuatu keputusan dibuat oleh kumpulan maka yang lain perlu mengikutnya tanpa sebarang bantahan. Sebagaimana yang telah dinyatakan bahawa aktiviti penanaman padi memerlukan kerjasama di antara ahli dalam sesebuah keluarga ataupun sesebuah kampung⁸⁶. Semangat bekerjasama ini telah membawa kepada pembentukan nilai atau semangat berkumpulan. Mereka begitu setia, patuh, berbangga dan sentiasa berusaha secara kolektif untuk untuk menjadikan kumpulan mereka sebagai sebuah kumpulan terbaik dan mampu mengatasi kumpulan-kumpulan lain. Jadi, tanpa disedari semangat berkumpulan ini telah mencetuskan pula semangat ingin bersaing antara satu sama lain. Buktinya para penanam padi sentiasa sedar tentang tuaian mereka yang akan dibandingkan dengan hasil tuaian sawah atau kampong lain. Maka sesebuah kampung atau ladang yang mewakili sesebuah kampung perlulah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memastikan mereka mengeluarkan hasil tuaian yang banyak dan tinggi mutunya⁸⁷.

⁸⁶ *Ibid.*, hal. 15.

⁸⁷ John. W. Snyder, *op. cit.*, hal. 22.

Tanpa disedari juga semangat berkumpulan ini telah menjadikan mereka tidak melakukan sesuatu berdasarkan kemampuan yang ada pada mereka sahaja atau hanya mengikut idea sendiri bahkan mereka akan cuba melakukan sesuatu yang agak sukar tetapi mampu untuk memuaskan hati kumpulannya dan seterusnya melahirkan rasa kagum atas kejayaan dan kemampuan mereka. Atas dasar ini juga, mereka akan sentiasa menjaga supaya tidak berlaku sebarang kecacatan dalam produk yang dihasilkan atau apa yang dikenali sebagai “zero defect”.⁸⁸



Proses penanaman padi adalah satu pekerjaan yang amat memerlukan kepada sifat bekerjasama dan berkumpulan.
(sumber: www.japan_photo.com.jpg)

⁸⁸ Encik Tojamaru, *temuramah*, 15/06/2003 jam 2.30 petang.

Apabila berhadapan dengan sebarang masalah yang memerlukan kepada cara penyelesaian yang mudah atau menggunakan logik akal sekalipun, tindakan yang diambil lebih cenderung ditentukan oleh pertimbangan sama ada orang lain sedang memerhati atau sama ada seseorang itu akan terdedah kepada cemuhan. Maka mereka amat berhati-hati sebelum memutuskan sesuatu perkara bagi menggelakkan dari mendapat cemuhan. Menurut Max Weber agama Kristian adalah merupakan logik nilai dalaman dan Confuciusnisme sebagai logik nilai luaran⁸⁹. Dan bagi masyarakat Jepun mereka lebih cenderung kepada nilai yang kedua ini, iaitu lebih mementingkan pertimbangan tentang apa yang orang lain sedang fikir dan lakukan, bukan apa yang disuarakan oleh rasa hati mereka.⁹⁰


Sikap yang lahir dari semangat berkumpulan yang mana telah mencambahkan beberapa nilai lain seperti semangat bersaing serta cuba untuk malakukan yang terbaik adalah antara ciri-ciri penting dalam pembentukan sesebuah peradaban yang unggul. Jelas bahawa tanpa adanya semangat yang demikian maka sesebuah tamadun itu akan bersifat statis dan kaku serta akan musnah akhirnya.

⁸⁹ Esei Picken, S *Essentials of Shinto: An Analytical Guide to Principal Teachings*. (Westport USA: Greenwood Press., 1994), hal. 10.

⁹⁰ Albert M. Craig, "Japan Tradition and Transformation", (Boston: Houghton Mifflin Co., 1989), hal 25-26.

4.6 Jimat cermat

Satu lagi nilai penting yang ada dalam masyarakat dan tamadun Jepun ialah kemampuan mereka untuk menabung dan berjimat-cermat dalam banyak perkara. Nilai ini lahir hasil daripada tekanan yang melanda kehidupan mereka terutama sekali keadaan sekeliling. Selain daripada fenomena alam sekitar seperti gempa bumi, rebut taufan dan letupan gunung berapi terdapat juga pelbagai sekatan yang dikenakan oleh pemerintah sebagaimana penulis hanyaikan pada bahagian sebelum ini.



Tasik Bima yang terkenal di Jepun.
(sumber: www.japan_photo.com.jpg)

Antara bentuk sekatan atau larangan yang dikenakan ke atas mereka ialah tidak boleh menerima atau menyimpan hasil pendapatan yang banyak, tidak boleh makan apa sahaja makanan yang disukai sebaliknya hanya makan makanan yang rendah mutunya serta bersedia untuk makan tumbuh-tumbuhan jika berlaku kebuluran. Penjimatan juga perlu ke atas penggunaan bahan api dimana daun-daun yang gugur perlu dikumpul lalu dijadikan sebagai bahan api. Memandangkan kepada suasana kehidupan yang begitu mengazabkan para petani telah mangambil langkah penjimatan bagi memastikan bekalan makanan, pakaian, bahan api mahupun wang mencukupi untuk digunakan dalam jangka masa yang lama. Nilai ini sebenarnya telah berjaya mengurangkan penderitaan mereka apabila berhadapan dengan pelbagai kesusahan.

Nilai murni berjimat cermat dan menabung ini juga, telah diakui oleh para sarjana sejarah sebagai suatu nilai yang lahir akibat daripada tekanan pemerintah dan himpitan kesusahan akibat daripada fenomena alam⁹¹. Sesungguhnya pada peringkat awal, nilai ini lahir berpunca daripada keadaan yang terdesak dan akhirnya bertukar menjadi nilai yang positif yang mana secara tidak langsung telah membentuk peradaban Jepun. Sebagai sebuah negara yang mempunyai sumber bahan mentah dan galian yang sedikit termasuk jumlah pertanian yang terhad tetapi perlu menampung keperluan penduduknya yang ramai, penduduk Jepun mengambil inisiatif meneruskan budaya tradisi ini. Hasilnya negara Jepun telah mendahului negara Asia yang lain dari segi aset simpanannya di mana

⁹¹ Hardacre, H *Shinto and the State, 1868-1988* . (Princeton: Princeton University Press, 1989) hal. 12.

Jepun adalah merupakan satu-satunya negara Asia yang telah banyak menghulurkan bantuan sama ada berbentuk derma atau pinjaman kepada negara-negara lain termasuk Malaysia dan Indonesia ketika kegawatan ekonomi malanda dunia baru-baru ini⁹². Secara tidak langsung nilai ini yang masih dipraktikkan dalam kabinet Jepun telah membantu menaikkan imej dan tamadun mereka.

4.7 Taat setia

Salah satu daripada ciri unik di dalam peradaban Jepun ialah mereka amat taat atau berpegang kepada sesuatu idea atau gagasan. Idea atau gagasan ini mengambil tempat dalam membentuk konsep, prinsip, semangat ataupun falsafah. Mereka juga begitu komited kepada idea atau gagasan tersebut di dalam kehidupan seharian masyarakatnya. Ianya diterjemahkan dalam semua aspek kehidupan dan sejarah telah membuktikan bahawa ianya telah banyak menyumbang kepada kamajuan dan kejayaan masyarakat serta negara Jepun. Di antara idea-idea atau gagasan-gagasan tersebut⁹³:

1. Bushido

Satu etika moral kelas samurai. Berasaskan dari idea Konfusian dan bermula dalam zaman Kamakura. Bushido menekankan kepada kesetiaan mutlak, pergorbanan diri, keadilan, perasaan malu, adab yang halus, kesucian, kesopanan, jimat cermat, semangat keperwiraan, kehormatan, kasih-sayang dan lain-lain. Bushido menggalakkan latihan kerohanian untuk tujuan menguasai diri barulah

⁹² *Ibid.*, hal. 3.

⁹³ Gen Itagaki, *op. cit.*, hal. 45.

seseorang boleh menguasai orang lain. Kehormatan berasal dari kemenangan dalam mendisiplinkan diri.

2. On (perasaan terhutang budi)


On adalah rasa kewajipan sosial dan psikologi apabila menerima bantuan dari orang lain. Perkataan “On” berasal dari masyarakat pahlawan iaitu apabila ketua-ketua menghadiahkan tanah kepada pengikutnya. Masyarakat moden mereka yang berkedudukan tinggi akan menjaga kebajikan orang bawahnya⁹⁴. Orang bawahan ini akan merasa terhutang budi (“On”) dan akan membalasnya dengan cara menunjukkan rasa hormat dan memberikan kesetiaan. Untuk melupakan “On” ini secara moralnya adalah sesuatu yang tidak dapat dimaafkan. “Oya No On” adalah rasa tanggungjawab kepada kedua ibu-bapa dan ianya biasa dilaksanakan dengan cara menjaga kedua-dua mereka semasa tua⁹⁵.

⁹⁴ Bremen, J van and Martinez, D P (eds.) *Ceremony and Ritual in Japan*. (London: Routledge, 1995) hal. 15.

⁹⁵ *Ibid.*, hal. 118.

Meditation (performing *zazen*) performed twice a day, early in the morning and in the evening.

Kyōsaku: a stick made of oak, used to hit trainees on the shoulder when their attention wanders



Ilustrasi menunjukkan amalan Zen buddhisme yang banyak mempengaruhi masyarakat Jepun dan melahirkan nilai-nilai murni yang hebat.

(sumber: www.japan_photo.com.jpg)

3. Giri (kewajipan moral)

Konsep “Giri” yang dilahirkan di zaman feudal adalah satu taraf yang sangat dihargai dalam perkembangan manusia⁹⁶. Contohnya antara ketua dan pekerjanya,

⁹⁶ Eliade (ed.) *Encyclopedia of Religion*. (New York: Macmillan, 1987) hal. 25.

anak dengan ibu-bapanya, suami dengan isterinya dan lain-lain lagi. Pada asasnya ia merujuk kepada perkara yang seseorang perlu dilakukan atau tingkah laku yang betul demi kelincinan perhubungan sosial. Oleh itu ia mencakupi bentuk, sikap dan tingkah laku yang luas. "Giri" juga berkisar tentang perasaan ambil berat terhadap seseorang yang pernah memberi bantuan kepada kita. Kita biasanya akan merasa terhutang budi dan ingin memberikan balasan yang setimpal. Inilah yang dikatakan 'giri wa hatasu' iaitu dengan cara memberikan hadiah di upacara seperti perkahwinan dan sebagainya.

4. Ninjo (perasaan kemanusiaan)

'Ninjo' dapat disamakan dengan pelbagai perasaan kemanusiaan seperti cinta, simpati, ehsan dan persahabatan tetapi ia mempunyai makna yang lebih istimewa bagi masyarakat Jepun. Ninjo biasanya dibandingkan dengan perasaan kewajipan moral. Akan tetapi 'ninjo' adalah pernyataan perasaan secara spontan terhadap orang lain. Kewajiban moral dan 'ninjo' adalah dua peraturan yang secara tradisionalnya diaplikasikan dalam masyarakat Jepun. Ianya turut diwarisi oleh masyarakat Jepun kontemporari.

5. Haji (malu)

Perasaan malu adalah teras kepada mentaliti orang Jepun. Ia amat ditekankan oleh orang Jepun. Bagi golongan generasi di zaman feudal, dimalukan di depan khalayak ramai adalah merupakan 'kematian'. Di Jepun tingkah laku seseorang adalah dipengaruhi oleh sifat malu.

6. Nemawashi (perundingan)

Nemawashi adalah satu teknik untuk mengelakkan kekeliruan dan mendapatkan persetujuan dan semua orang terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan. Jika sekumpulan orang mempunyai pandangan yang berbeza dalam bermesyuarat mereka sudah pasti akan sukar mencapai sebarang persetujuan, tetapi jika ‘nemawashi’ diamalkan dan mendapat pandangan semua ahli terlebih dahulu maka keputusan akan dicapai tanpa membuang masa.

7. Konjo⁹⁷

‘Konjo ga aru’ (mempunyai konjo) adalah seseorang yang mempunyai semangat berjuang, kesanggupan dan keazaman serta ketabahan dan keberanian. Seseorang yang mempunyai ‘konjo’ akan melaksanakan sesuatu pekerjaan walaupun banyak halangan yang ditempuhi. Halangan tidak melemahkan malah menyemarakkan lagi semangatnya untuk meningkatkan usaha. Konjo adalah satu unsur tambahan selain daripada kepakaran dan pengalaman yang menjadikan seseorang itu lebih baik dari yang lain.

8. Hara / Seppuku (perut)⁹⁸

‘Hara’ bererti perut. Dalam bahasa Jepun, ‘hara’ adalah tempat duduknya perasaan, sama seperti hati. Akan tetapi ‘hara’ hanya digunakan bagi perasaan

⁹⁷ Eliade (Ed), *op. cit.*, hal. 49.

⁹⁸ *Ibid.*, hal. 15.

lelaki. Wanita biasanya menghadkan perasaan hati. ‘Hara Gei’ atau kesenian perut menjelaskan tentang teknik penyelesaian masalah melalui perundingan tanpa merujuk secara terus kepada perkara yang dibincangkan. Di dalam menggunakan teknik ini seseorang itu tidak perlu untuk mendedahkan kepada pihak yang lain apakah ‘hara’ tetapi secara berkesan dan tanpa silap dia tetap berjaya menyampaikan tujuan, keinginan dan objektif⁹⁹.

⁹⁹ *Ibid.*, hal. 18.